

Kaji Kelemahan Kita Hussein

'Baiki kedudukan di bidang rohani dan jasmani'

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Hussein Onn hari ini menggesa golongan ulamak dan cerdik pandal menyelidik berbagai kelemahan umat Islam bagi memperbaiki kedudukan mereka di bidang kemajuan rohani dan jasmani.

Perdana Menteri menegaskan, semua pihak hendaklah mengkaji semula segala usaha yang telah dijalankan bagi memperkembangkan strategi membangunkan Islam serta memajukan umat Islam "dalam konteks masyarakat dan negara kita."

Menurutnya, penggunaan cara lebih berkesan serta penyesuaian teknologi moden dalam kegiatan dakwah perlu diusahakan oleh semua pihak.

"Kita merasa dukacita di atas kesesatan yang wujud di kalangan sebilangan umat Islam. Tindakan melulu dan tidak berperkembangan adalah terkeluar dari kehendak agama.

kita dan ini mesti dibentarkan.

"Di samping itu, usaha-usaha lebih berkesan dan terkawal hendaklah dijalankan bagi meningkatkan pengajaran Islam di kalangan masyarakat kita.

"Pada hemat saya, adalah penting bagi ulamak dan cerdik pandal dalam masyarakat kita berganding bahu menghadapi masalah ini sekarang," teganya.

Datuk Hussein berucap demikian di upacara meletakkan batu asas bangunan Pusat Islam berharga \$28 juta di sini.

Sambil mengingatkan umat Islam agar berpegang teguh kepada syariat Islam, Perdana Menteri menyerta mereka memberi perhatian terhadap tiga faktor penting.

"Pertama ialah kecetekatan asas pengetahuan Islam di kalangan sebahagian umat Islam, kedua masyarakat Islam sedang mengabaikan ilmu pengetahuan Islam yang mendalam manakala faktor ketiga ialah dalam masyarakat kita untuk mengemukakan apa-apa sahaja kelemahan dalam masyarakat kita untuk mengugut negara dan melemahkan Islam.

"Kita hendaklah berwaspada terhadap mereka yang mencari jalan singkat bagi mendapatkan kerendahan Allah sehingga terjerumus ke jalan sesat yang merugikan mereka serta merosakkan kesucian Islam," katanya.

Bellau menambahkan, masyarakat dan umat Islam di negara ini sedang menghadapi berbagai cabaran dan ajaran Islam yang sebenarnya merupakan benteng penyelamat kepada umat Islam dalam menghadapi gejala-gejala tersebut.

"Bukan ajaran yang terpesong atau yang diputarbelitkan tetapi ajaran Islam yang sebenarnya. Ajaran ini mempunyai teras perimbangan, kesederhanaan dan toleransi, persaudaraan dan moral yang tinggi serta hormat menghormati sesama manusia.

Singkat

... Pengaruh kelemahan akhlak dan keruntuhan moral, dadah, ajaran sesat, sikap keterlambatan dan militan, pelbagai jenayah dan ideologi yang bertentangan dengan Islam seperti komunisme adalah ancaman kepada masyarakat dan umat Islam di negara kita dan di seluruh dunia," teganya.

Perdana Menteri berkata tidak ada jalan singkat bagi mendapatkan kerendahan Allah melainkan mempelajari Islam secara mendalam di samping berusaha memperbaiki kehidupan di semua lapangan.

Mengenai bangunan baru iaitu Datuk Hussein berkata ia akan menjadi pusat pentadbiran agama, Jabatan Perdana Menteri, Urusetia Masjid Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan Pusat Penyelidikan Islam.

Sebelum itu, Menteri Tak Berportfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nasser berkata, rekabentuk bangunan tersebut akan Islam bagi melambatkan kehidupan dan kesentian Islam.

Bahan asal dari Artikel
Negara Malaysia